



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

DOKUMEN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA : LPB/600/Q20/2023

TAJUK SEBUT HARGA

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN PROGRAM *TEAM BUILDING* TAHUN 2023

Tarikh Iklan : 04 Julai 2023

Tarikh Tutup : 13 Julai 2023 Jam 12.00 Tengahari

Kod Bidang : Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor **Bumiputera dan Bukan Bumiputera** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang seperti berikut:-

- 221305 - Penyediaan Pentas/Pameran Pertunjukan, Taman Hiburan Dan Karnival/Pestaria; ATAU
- 221307 - Agen Pengembaraan

LEMBAGA PELABUHAN BINTULU
(Bintulu Port Authority)
Aras Lobi, 5, 8, 9 & 10
Menara Kidurong
Jalan Tanjung Kidurong
97007 Bintulu
Sarawak Malaysia
Tel : 086-232815/ 086-232822
Faks: 086-251300

NOTIS SEBUT HARGA



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

NOTIS SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada penyebut harga-penyebut harga yang berkelayakan seperti berikut:-

NO. KOD DAN TAJUK SEBUT HARGA	TARIKH DIKELUARKAN	TARIKH & MASA TUTUP	BUTIRAN TAKLIMAT SEBUT HARGA & PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI	KELAYAKAN
LPB/600/Q20/2023 SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN PROGRAM <i>TEAM BUILDING</i> TAHUN 2023	04 Julai 2023	13 Julai 2023 Jam 12.00 Tengahari	Tarikh: 06 Julai 2023 Masa: 10.00 Pagi Lokasi Pendaftaran: Lembaga Pelabuhan Bintulu, Bilik Kuala Semanuk Aras 1, Menara Kidurong, KM 12, Jalan Tanjung Kidurong, 97007, Bintulu, Sarawak Puan Rafidah Binti Abd. Samad 086-232816 Cik Jennifer Anak Samin 086-232802	Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera dan Bukan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 221305 : <i>Penyediaan Pentas/ Pameran Pertunjukan, Taman Hiburan Dan Karnival/ Pestaria; ATAU</i> 221307 : <i>Agen Pengembaraan</i>

2. **Dokumen Sebut Harga** boleh diperolehi mulai **04 Julai 2023** melalui laman web rasmi Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) di alamat www.bpa.gov.my.
3. **LPB** tidak menyediakan salinan *hardcopy* **Dokumen Sebut Harga** tersebut dan adalah menjadi tanggungjawab penyebut harga untuk memuat turun Dokumen Sebut Harga daripada laman web yang disediakan. Sebarang kos percetakan dan penghantaran adalah ditanggung sepenuhnya oleh penyebut harga.
4. Kegagalan penyebut harga mematuhi arahan kepada penyebut harga yang dilampirkan bersama Dokumen Sebut Harga boleh menyebabkan tawaran/ sebut harga yang dikemukakan oleh penyebut harga ditolak.
5. Pihak **LPB** tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

NOTIS SEBUT HARGA

6. Penyebut harga adalah dikehendaki untuk mematuhi syarat-syarat sebut harga seperti di bawah:-
 - 6.1 Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** bagi memberi kemudahan kepada penyebut harga untuk mengenalpasti keperluan peralatan dan keluasan kawasan bagi tujuan penawaran harga sebut harga. Dalam hal ini, sekiranya penyebut harga mahu melawat sendiri kawasan atau tapak, amalan penjarakan, penggunaan *hand sanitizer* dan *pemakaian face mask* adalah perlu diteruskan. Penyebut harga dikehendaki membawa bersama Cop Rasmi syarikat;
 - 6.2 Tempat, tarikh, masa dan pegawai yang boleh dihubungi adalah seperti dalam Jadual di atas;
 - 6.3 Kegagalan penyebut harga menghadiri lawatan tapak boleh menyebabkan tawaran penyebut harga akan ditolak;
 - 6.4 Semasa menghadiri lawatan tapak, penyebut harga dikehendaki membawa Sijil Asal Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) atau Salinan Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, LPIPM (CIDB) yang telah disahkan oleh pegawai dari pejabat pengeluar;
 - 6.5 Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen-dokumen sebut harga dikepilkan dengan kemas dan teratur. Pihak **LPB** tidak bertanggungjawab di atas kehilangan sebarang dokumen; dan
 - 6.6 Borang Sebut Harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan tertutup dengan ditulis Tajuk Sebut Harga, No. Sebut Harga dan Tarikh Tutup di sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat seperti berikut:-

**Lembaga Pelabuhan Bintulu
Aras 9, Sekyen Kewangan, Perolehan & Aset
Menara Kidurong, Jalan Tanjung Kidurong
97007 Bintulu, Sarawak**

7. Sampul yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Seksyen Kewangan, Perolehan & Aset seperti di alamat di atas **sebelum atau pada 13 Julai 2023 jam 12.00 tengahari.**
8. **Sebut Harga yang lewat diterima daripada tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.**

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN PROGRAM *TEAM BUILDING* TAHUN 2023

1.0 ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUT HARGA

Arahan dan syarat-syarat kepada penyebut harga ini akan menjadi sebahagian daripada kontrak antara Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) dan penyebut harga. Penyebut harga dikehendaki untuk membaca dan memahami isi kandungan arahan dan syarat-syarat ini semasa melengkapkan Dokumen Sebut harga.

2.0 KELAYAKAN PENYEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor **Bumiputera dan Bukan Bumiputera** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang seperti berikut:-

- **221305 - Penyediaan Pentas/Pameran Pertunjukan, Taman Hiburan Dan Karnival/Pestaria; ATAU**
- **221307 - Agen Pengembaraan**

3.0 TEMPOH PENYERAHAN

- 3.1 Tempoh kontrak adalah selama **dua (2) hari** mulai daripada tarikh Arahan Mula Kerja dikeluarkan.
- 3.2 Penyebut harga adalah **diwajibkan untuk mengisi ruangan tarikh penyerahan/penyempurnaan penghantaran mengikut kemampuan penyebut harga pada perkara 2.2 di mukasurat satu (1) Borang Sebut harga (Lampiran Q)**. Kegagalan penyebut harga berbuat demikian boleh menyebabkan sebut harga ditolak. Walaubagaimanapun, keutamaan adalah diberi kepada penyebut harga yang berkemampuan untuk melaksanakan kerja dalam tempoh yang telah ditetapkan.

4.0 TAKLIMAT SEBUT HARGA

Dalam mengemukakan Sebut harga ini, pihak kontraktor adalah **WAJIB** untuk hadir Taklimat Sebut Harga. Tiada pertimbangan untuk kos tambahan akan dilayan daripada penyebut harga atas alasan kurang pengetahuan dan maklumat tentang sebut harga jika Sebut harga diterima.

Mana-mana maklumat dan dokumen yang dikemukakan oleh Pegawai Penguasa (Superintending Officer, SO) tidak akan melepaskan penyebut harga dari tanggungjawabnya di bawah peruntukan klausa ini. SO tidak memberi apa-apa jaminan ke atas maklumat dan dokumen sama ada merujuk kepada kelengkapan atau kesahihannya ataupun secara mana maklumat dan dokumen yang dikemukakan harus diterjemahkan. Penyebut harga hendaklah mengguna dan menterjemahkan maklumat dan dokumen ini atas risikonya sendiri.

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN PROGRAM *TEAM BUILDING* TAHUN 2023

Butiran berkenaan taklimat adalah seperti berikut:

Lokasi Pendaftaran : Lembaga Pelabuhan Bintulu, Bilik Kuala Semanuk Aras 1, Menara Kidurong, KM 12, Jalan Tanjung Kidurong, 97007, Bintulu, Sarawak

Tarikh : 6 Julai 2023, Khamis

Masa : 10.00 Pagi

Pegawai Dihubungi 1 : Puan Rafidah Binti Abd. Samad
No. Tel : 086-232816

Pegawai Dihubungi 2 : Cik Jennifer Anak Samin
No. Tel : 086-232802

Kegagalan penyebut harga untuk hadir ke lawatan tapak akan menyebabkan tawaran tidak dapat dipertimbangkan.

5.0 SKOP BEKALAN / PERKHIDMATAN / KERJA

Skop perkhidmatan dan spesifikasi teknikal adalah seperti di **Lampiran A**.

6.0 DOKUMEN PENYEBUT HARGA

Satu (1) set Dokumen Sebut harga terdiri daripada dokumen-dokumen seperti berikut:-

BIL.	PERKARA
1	Arahan dan syarat-syarat kepada Penyebut harga
2	TAWARAN TEKNIKAL Lampiran A Skop Perkhidmatan dan Spesifikasi Teknikal
3	TAWARAN KEWANGAN Lampiran B Borang Sebut harga (Lampiran Q) Lampiran C Ringkasan Tawaran Harga / Bill Of Quantity Lampiran D Pernyataan Mengenai Kesalahan Rasuah
	Lampiran E Keterangan Mengenai Syarikat Lampiran F Surat Akuan Pembida Lampiran G Surat Perwakilan Kuasa Lampiran H Pengalaman Syarikat

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN PROGRAM *TEAM BUILDING* TAHUN 2023

BIL.	PERKARA
	Lampiran I Format Bon Pelaksanaan

7.0 SEBUT HARGA

Penyebut harga adalah dikehendaki untuk melengkap dan menandatangani satu salinan Dokumen Sebut harga yang telah diberikan kepada mereka.

- 7.1 Dalam kes usaha sama, semua yang terlibat dalam usaha sama adalah dikehendaki untuk menandatangani Borang Sebut harga. Borang Sebut harga yang tidak ditandatangani dan tidak lengkap adalah tidak layak untuk dipertimbangkan.
- 7.2 Semua butiran dan maklumat yang hendak diisi ke dalam Borang Sebut harga hendaklah ditulis dengan terang menggunakan dakwat. Pemadam tidak boleh digunakan dan mana-mana pembetulan atau kesilapan hendaklah digaris dengan elok dan semua pembetulan hendaklah diperakukan.
- 7.3 Sebut harga hendaklah disebutkan dalam **Ringgit Malaysia**.
- 7.4 Sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap dan sempurna. Mana-mana Sebut harga yang tidak diisi dengan lengkap dan sempurna boleh mengakibatkan Sebut harga tidak dipertimbangkan.

8.0 MAKLUMAT LATARBELAKANG KEWANGAN DAN PRESTASI

- 8.1 Penyebut harga hendaklah mengambil maklum bahawa penilaian sebut harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan penyebut harga untuk melaksanakan projek yang disebut harga, di samping kemunasabahan harga sebut harga. Justeru itu, keupayaan sebut harga akan dinilai semasa penilaian sebut harga. Penilaian ini akan dibuat berdasarkan kedudukan kewangan, pengalaman kerja, kakitangan/pekerja dan prestasi kerja semasa penyebut harga.
- 8.2 Bagi memudahkan penilaian ini dibuat, penyebut harga dikehendaki untuk mengemukakan dokumen-dokumen berikut bersama-sama sebut harga yang dikemukakan:-
 - (a) Salinan Akaun Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juruaudit yang bertauliah bagi dua (2) tahun kewangan yang terakhir bagi syarikat Sdn. Bhd;
 - (b) Penyata bank/ salinan penyata bank yang disahkan bagi tiga (3) bulan terkini;
 - (c) Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat (SSM);
 - (d) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia;

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN PROGRAM *TEAM BUILDING* TAHUN 2023

- (e) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia;
- (f) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kementerian Dalam Negeri;
- (g) Salinan lesen untuk menjalankan Agensi Persendirian; dan
- (h) Satu (1) set Profil Syarikat.

9.0 PENYERAHAN SEBUT HARGA

- 9.1 Dokumen Sebut harga yang perlu dikemukakan adalah seperti di dalam jadual yang tertera di bawah **perenggan 6.0** dan dokumen-dokumen yang dinyatakan di bawah **perenggan 8.2**.
- 9.2 Dokumen Sebut harga hendaklah disediakan dalam dua (2) salinan. Salinan asal dicop sebagai 'Asal' atau '*Original*' manakala satu (1) dokumen salinan dicop sebagai 'Salinan' atau '*Duplicate*'.
- 9.3 Para Penyebut harga **HANYA DIBENARKAN** menulis nama atau tanda perniagaan di dalam dokumen salinan asal sahaja. Para penyebut harga **DILARANG SAMA SEKALI** menandakan/ meletakkan apa-apa nama dan/ atau tanda perniagaan yang membawa maksud pengenalan/ identiti Penyebut harga di dalam satu (1) dokumen salinan tersebut.
- 9.4 Kedua-dua salinan Dokumen sebut harga yang telah sempurna tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu (1) sampul yang ditutup dan berlakri serta ditanda dengan jelas seperti berikut :-

**SEBUT HARGA NO.: LPB/600/Q20/2023– SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
MENYEDIAKAN PROGRAM *TEAM BUILDING* TAHUN 2023**

tanpa apa-apa tanda dengan cara mana identiti penyebut harga boleh dikenalpasti. Sampul yang mengandungi dokumen di atas hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut harga dan dialamatkan kepada:-

**PENGURUS BESAR
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU
PETI SURAT BOX 296
97007, BINTULU, SARAWAK**

pada atau sebelum jam 12 tengah hari pada hari yang dinyatakan dalam iklan **Sebut harga**. Mana-mana Sebut harga yang dikemukakan selepas masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN PROGRAM *TEAM BUILDING* TAHUN 2023

- 9.5 Sebut harga menggunakan telegraf atau telex atau faks adalah tidak diterima sama sekali.
- 9.6 LPB tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.
- 9.7 LPB tidak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa perbelanjaan dan kerugian yang mungkin ditanggung oleh penyebut harga semasa menyediakan dan menghantar sebut harga.
- 9.8 Syarikat-syarikat yang ingin berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia boleh berbuat demikian secara atas talian di <http://home.eperolehan.com.my> atau boleh menghubungi Khidmat Bantuan Pelanggan ePerolehan di talian 03-7985 7777/ 03- 7985 7888 atau emel bantuan@eperolehan.gov.my.
- 9.9 Iklan Sebut harga ini juga boleh dirujuk di laman web LPB di alamat <http://www.bpa.gov.my>.

10.0 TEMPOH SAHLAKU SEBUT HARGA

- 10.1 Sebut harga yang telah diterima daripada penyebut harga adalah terbuka untuk penerimaan atau penolakan untuk tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh Sebut harga ditutup. Penyebut harga yang berjaya akan dimaklumkan oleh LPB dalam tempoh ini.
- 10.2 Penyebut harga adalah dipelawa untuk melawat laman web LPB untuk melihat keputusan sebut harga di http://www.bpa.gov.my/web/home/tender_result atau di Papan Notis Iklan LPB.

11.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 11.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- 11.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN PROGRAM *TEAM BUILDING* TAHUN 2023

2009 (Akta 694);

- 11.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau Penyebut harga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694); dan
- 11.4 Mana-mana kontraktor atau Penyebut harga yang membuat tuntutan pembayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

12.0 **INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN KERAJAAN**

- 12.1 Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida (Lampiran F)** bahawa penyebut harga tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak.
- 12.2 Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa (Lampiran G)** menandatangani bagi pihak syarikat sebagai tanda bahawa beliau adalah individu yang diberi kuasa untuk berurusan dengan pihak LPB bagi urusan perolehan/perjanjian bagi perkara ini.
- 12.3 Penyebut harga yang berjaya dan telah dilantik secara rasmi oleh pihak LPB juga dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

13.0 **HARGA TAWARAN**

- 13.1 Harga Tawaran penyebut harga hendaklah diisi dalam **Lampiran B** dan **Lampiran C** Sebut harga ini. Harga-harga yang ditawarkan adalah termasuk semua kos bersangkutan dengan sebut harga No. **LPB/600/Q20/2023– Sebut Harga Perkhidmatan Menyediakan Program *Team Building* Tahun 2023.**
- 13.2 Harga-harga yang ditawarkan dalam tawaran ini adalah tetap, harga bersih dan dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan tidak boleh dipinda selepas penawaran sebut harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dan dalam tempoh sah laku sebut harga. Harga yang ditawarkan oleh penyebut harga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN PROGRAM *TEAM BUILDING* TAHUN 2023

KECUALI atas persetujuan kedua-dua pihak.

- 13.3 Borang Lampiran Q dan *Schedule Of Rates* hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas bagi setiap butiran yang dimasuki. Penggunaan “ditto” atau “seperti di atas” tidak boleh digunakan.
- 13.4 Bagi ruangan yang kosong, misalnya tidak ada apa-apa maklumat yang hendak dicatatkan mestilah ditulis dengan perkataan “Tidak Berkenaan”.
- 13.5 Penyebut harga boleh mengemukakan tawaran berasaskan kepada *Nett Delivered/ FOB/ CIF/ Ex-Work/ FCA*. Penjelasan mengenai terma-terma ini adalah seperti di bawah:

13.5.1 *Nett Delivered:*

Ini adalah harga bersih termasuk kos pembungkusan, kos pemungghahan dan kos penghantaran serta kos-kos lain yang berkaitan ke destinasi terakhir/ pengguna yang telah ditentukan.

13.5.2 *Free On Board (FOB):*

Penyebut harga mesti memuat barangan import ke dalam kapal dan urusan penghantaran hendaklah dikendalikan oleh syarikat bagi perkhidmatan *Multimodal Transport Operator (MTO)* yang dilantik oleh agensi serta insurans ditanggung oleh LPB.

Semua barangan import tersebut hendaklah dihantar terus dari pelabuhan memuat (*port of loading*) negara asal barangan (*country of origin*) ke pengkalan punggah (*port of discharge*) di mana-mana pangkalan di Malaysia sebelum dihantar ke destinasi akhir.

Perolehan yang diimport dan dibekalkan melalui pelabuhan negara kedua tidak dibenarkan sama sekali.

13.5.3 *Cost, Insurance & Freight (CIF):*

Penyebut harga mesti membayar kos dan tambang untuk membawa masuk barangan ke destinasi pengkalan dan insurans perlu ditanggung oleh pihak penyebut harga.

13.5.4 *Ex-Work (EXW):*

Penyebut harga menjamin barangan tersebut telah berada di premis penyebut harga dan penyebut harga bertanggungjawab ke atas semua kos.

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN PROGRAM *TEAM BUILDING* TAHUN 2023

13.5.5 *Free Carrier (FCA)*:

Semua urusan pengangkutan dan insurans diuruskan oleh pembeli/ agensi bermula dari tempat barangan diterima.

13.6 CUKAI PERKHIDMATAN

Bagi perolehan perkhidmatan, semua tawaran harga oleh penyebut harga hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran perkhidmatan tanpa Cukai Perkhidmatan. Sekiranya perkhidmatan tersebut termasuk dalam senarai yang dikenakan Cukai Perkhidmatan dan penyebut harga adalah berdaftar CJCP dengan JKDM, maka LPB akan menawarkan nilai perolehan termasuk kenaaan Cukai Perkhidmatan.

13.6.1 Penyebut harga hendaklah diberitahu bahawa pada bila- bila masa setelah berdaftar dengan JKDM , penyebut harga hendaklah memaklumkan LPB supaya Cukai Perkhidmatan boleh dibayar oleh LPB. Kegagalan atau kelewatan penyebut harga untuk memaklumkan kepada LPB mengenai status pendaftaran dengan JKDM akan menyebabkan penyebut harga perlu menanggung CJCP dan tidak layak menuntut apa- apa bayaran daripada LPB.

13.7 LPB tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah atau mana- mana tawaran. Bagaimanapun, harga yang ditawarkan oleh Penyebut harga bukanlah nilai kontrak muktamad yang akan ditetapkan oleh LPB sekiranya berjaya di dalam penawaran sebut harga ini.

14.0 PEMBUKAAN SEBUT HARGA

LPB berhak untuk tidak mengeluarkan apa-apa maklumat mengenai setiap sebut harga yang telah dibuka.

15.0 INTERPRETASI DOKUMEN

Jika terdapat keraguan ke atas maksud sebenar mana-mana bahagian daripada Dokumen Sebut harga, penyebut harga hendaklah dengan seberapa segera yang boleh, tetapi tidak kurang dari sepuluh (10) hari sebelum tarikh penutupan sebut harga, memaklumkan kepada LPB dan meminta penjelasannya mengenai keraguan tersebut sebelum mengemukakan Sebut harga. Intepretasi atau penjelasan ke atas Dokumen sebut harga hanyalah sah jika ianya dibuat menerusi addenda yang dikeluarkan secara formal oleh LPB seperti dijelas dalam perkara 16 di bawah.

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN PROGRAM *TEAM BUILDING* TAHUN 2023

16.0 ADDENDA

Addenda mungkin dikeluarkan sebelum tarikh tutup sebut harga untuk menjelaskan maksud Dokumen Sebut harga ataupun untuk membuat perubahan ke atas syarat kontrak. Setiap addenda akan diedarkan kepada semua penyebut harga dan akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Sebut harga. Penerimaan setiap addenda mestilah disahkan. Kegagalan untuk mengesahkan penerimaan setiap addenda akan mengakibatkan sebut harga ditolak.

17.0 PELANGGARAN SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

Penyebut harga yang tidak mematuhi syarat-syarat sebut harga boleh dikenakan tindakan seperti berikut:-

17.1 Kesalahan Melanggar Syarat Sebut harga

- i) Menarik diri
- ii) Pakatan harga
- iii) Tidak menyerahkan Bon Pelaksanaan
- iv) Memalsukan maklumat dengan tujuan menyertai sebut harga
- v) Menerima dan memberi rasuah

17.2 Kesalahan Kerana Melanggar Syarat Kontrak

- i) Lewat menyiapkan kerja
- ii) Tidak menepati spesifikasi
- iii) "Sub Kontrak" tanpa persetujuan LPB
- iv) Menerima dan memberi rasuah

17.3 Jenis-Jenis Tindakan/Hukuman

- i) Amaran
- ii) Denda
- iii) Penamatan kontrak
- iv) Batal tajuk pendaftaran
- v) Gantung pendaftaran
- vi) Senarai hitam syarikat
- vii) Merampas bon pelaksanaan

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN PROGRAM *TEAM BUILDING* TAHUN 2023

18.0 HAK LPB APABILA BEKALAN/ PERKHIDMATAN/ KERJA YANG DILAKSANAKAN TIDAK MENGIKUT TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

18.1 Jika bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang dilaksanakan tidak mengikut atau jika berlaku pelanggaran mana-mana terma-terma dan syarat-syarat kontrak ini, LPB boleh mengambil tindakan mana-mana satu atau apa-apa gabungan perkara berikut:-

18.1.1 menolak perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya dan meminta penyebut harga menggantikan bekalan/ perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh LPB. Jika perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya tidak diganti dalam masa yang ditentukan, LPB boleh mendapatkan perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya daripada lain-lain punca dan penyebut harga dikehendaki membayar amaun yang dikenakan kepada LPB;

18.1.2 menamatkan kontrak ini dan melantik pihak lain untuk melaksanakan perkhidmatan;

18.1.3 mengambil atau merampas keseluruhan atau sebahagian jumlah wang dalam Bon Pelaksanaan, jika ada; dan

18.1.4 mengenakan denda sepertimana yang telah ditetapkan dalam Surat Setuju Terima seperti berikut:

Jumlah Nilai Perolehan	Denda
Sehingga RM20,000.00	0.1 % daripada nilai perolehan
RM20,000.00 – RM199,999.99	
RM200,000.00 ke atas	

bagi setiap hari kelewatan (*calendar days*).

19.0 SURAT SETUJU TERIMA

19.1 LPB adalah berhak menyetujui terima sebut harga tersebut sama ada kesemuanya ataupun sebahagiannya daripadanya. LPB tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.

19.2 Keputusan LPB adalah muktamad. LPB tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada penyebut harga-penyebut harga mengenai sebab-sebab tawaran mereka tidak berjaya.

19.3 Penyebut harga-penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani satu

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN PROGRAM *TEAM BUILDING* TAHUN 2023

perjanjian kontrak dengan LPB sekiranya ada dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut. Sekiranya tiada dokumen perjanjian disediakan, dengan penerimaan Surat Setuju Terima oleh penyebut harga, maka suatu ikatan Kontrak telah terwujud antara penyebut harga dan LPB.

20.0 BON PELAKSANAAN

- 20.1 Penyebut harga-penyebut harga yang berjaya dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan di dalam bentuk Jaminan Bank dari bank-bank yang diluluskan dan berdaftar di Malaysia **sekiranya nilai perolehan melebihi RM200,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Ribu Sahaja)**. Nilai Bon Pelaksanaan adalah seperti berikut:-
- 20.1.1 2.5% - Daripada jumlah nilai kontrak bagi kontrak bernilai RM200,000.00 sehingga RM500,000.00.; atau
- 20.1.2 5.0% - Daripada jumlah nilai kontrak bagi kontrak perkhidmatan yang bernilai RM500,000.00 atau lebih.
- 20.2 Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan sama ada dalam bentuk:
- 20.2.1 Jaminan Bank/ Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank-bank/ syarikat kewangan berlesen di bawah Akta bank dan Institusi Kewangan 1989 yang beroperasi di Malaysia; atau
- 20.2.2 Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Bank Islam 1983 yang beroperasi di Malaysia; atau
- 20.2.3 Jaminan Insuran yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat insurans yang berlesen di bawah Akta Insurans 1996 yang beroperasi di Malaysia; atau
- 20.2.4 Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh syarikat Takaful yang berlesen di bawah Akta Takaful 1984 yang beroperasi di Malaysia; atau
- 20.2.5 Jaminan yang dikeluarkan oleh bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SME Bank).
- 20.3 Bon Pelaksanaan akan dikembalikan setelah kontrak dilaksanakan dengan sempurna dan memuaskan. Sekiranya kontrak itu tidak dilaksanakan dengan sempurna dan memuaskan, maka Bon Pelaksanaan itu akan dirampas. Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) tawaran dikeluarkan. Kelewatan penyerahan bon

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN PROGRAM *TEAM BUILDING* TAHUN 2023

pelaksanaan akan menyebabkan SST dibatalkan dan seterusnya kontrak ditamatkan. LPB adalah berhak untuk berbuat demikian bagi mengelakkan kelewatan demi memastikan pelaksanaan sebut harga ini berjalan seperti yang dirancang.

- 20.4 Penyebut harga yang berjaya hendaklah menggunakan Format Bon Pelaksanaan seperti di **Lampiran I** tanpa sebarang pindaan. Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan hendaklah tamat satu (1) tahun selepas tarikh tamat kontrak.

21.0 TAWARAN ALTERNATIF, SYARAT DAN KEPERLUAN

Penyebut harga hendaklah mengikuti dengan sepenuhnya kehendak-kehendak dan keperluan- keperluan yang telah ditetapkan dalam Dokumen Sebut harga kecuali terdapat addenda- addenda yang dikeluarkan oleh LPB. Oleh yang demikian, penyebut harga adalah dilarang sama sekali untuk membuat apa-apa perubahan di dalam Dokumen Sebut harga dan Lampiran-Lampiran yang disertakan bersama sebut harga ini.

Jika penyebut harga ingin menetapkan terma, syarat atau keperluannya sendiri yang berbeza dengan apa yang terdapat dalam Dokumen Sebut harga, penyebut harga hendaklah terlebih dahulu menyiapkan dan mengemukakan sebut harganya yang lengkap yang mengikuti sepenuhnya kehendak-kehendak dalam Dokumen Sebut harga. Selepas itu, barulah penyebut harga menetapkan terma, syarat dan keperluannya yang berbeza dengan apa yang terdapat dalam Dokumen Sebut harga dalam surat depan semasa mengemukakan sebut harga, dan juga menyatakan dengan jelas akan kesan oleh terma, syarat dan keperluan yang ditetapkan itu ke atas Sebut harga ini jika LPB menerima terma, syarat dan keperluan tersebut.

22.0 BAYARAN KEPADA PENYEBUT HARGA

- 22.1 Bayaran kepada penyebut harga yang berjaya hanya akan dibuat dalam tempoh 14 hari setelah bekalan/ perkhidmatan/ kerja ini disemak dan disahkan telah dilaksanakan dengan sempurna oleh SO yang dilantik.
- 22.2 Penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan borang Pesanan Tempatan (Local Order – LO) yang telah dilengkapkan, bertandatangan, mempunyai cop syarikat dan ditarikhkan beserta inbois asal dan dokumen sokongan seperti *delivery note* kepada LPB untuk tujuan bayaran.”

23.0 IKLAN DAN PUBLISITI

Tiada maklumat berkenaan kontrak boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN PROGRAM *TEAM BUILDING* TAHUN 2023

alat pengiklanan/ media massa melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh LPB terlebih dahulu.

24.0 DOKUMEN ADALAH SULIT

Semua Dokumen Sebut harga adalah dianggap sulit dan persendirian.

25.0 DOKUMEN TIDAK BOLEH DICACATKAN

Dokumen Sebut harga hendaklah tidak dikoyak, dokumen-dokumen diasingkan di antara satu dengan yang lain dan tiada pertambahan atau pembetulan yang tidak sah dibuat dalam Borang Sebut harga atau mana-mana bahagian Dokumen Sebut harga selain daripada mengisi ruang kosong yang perlu diisi.

26.0 BANTAHAN KE ATAS SPESIFIKASI SEBUT HARGA

- 26.1 Penyebut harga adalah dibenarkan untuk membuat bantahan secara bertulis kepada LPB dan disalinkan kepada Perbendaharaan sekiranya ia mendapati spesifikasi sebut harga menjurus kepada sesuatu jenama.
- 26.2 Bantahan tersebut beserta bukti-bukti yang kukuh hendaklah dikemukakan kepada LPB dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Dokumen Sebut harga mula dikeluarkan.
- 26.3 Bantahan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

27.0 PEMATUHAN KEPADA KEHENDAK UNDANG-UNDANG

- 27.1 Penyebut harga adalah bertanggungjawab untuk mematuhi semua kehendak undang-undang, akta-akta dan peraturan yang sedang berkuatkuasa semasa mengisi dan menghantar sebut harga ini yang berkaitan dengan keselamatan (SOCSO), Perintah Gaji Minimum, Akta Imigresen dan akta lain-lain yang berkaitan.
- 27.2 Sekiranya penyebut harga didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyembunyi atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, sebut harganya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya seperti mana yang dinyatakan dalam **Perkara 17 : Pelanggaran Syarat-Syarat Sebut Harga.**

LAMPIRAN A: SKOP PERKHIDMATAN DAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN PROGRAM *TEAM BUILDING* TAHUN 2023

LAMPIRAN A

1.0 SKOP PERKHIDMATAN

- 1.1 Skop perkhidmatan untuk sebut harga ini adalah untuk menyediakan aktiviti *team building* bagi wanita Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB).
- 1.2 Butiran terperinci program *team building* yang dirancang oleh LPB adalah merangkumi dan tidak terhad kepada perkara seperti di dalam jadual berikut:

BIL	BUTIRAN TERPERINCI	
1.2.1	BUTIRAN PROGRAM	
	Nama Program	Teambuilding Wanita Tahun 2023
	Lokasi Program	Thistle Hotel, Port Dickson, Negeri Sembilan
	Tarikh Program	29 dan 30 Julai 2023
	Bilangan Peserta	55 orang
	Bilangan Kumpulan	5 kumpulan dengan 11 orang ahli setiap kumpulan
	Lingkungan Umur Peserta	30 hingga 56 tahun
1.2.2	AKTIVITI SEPANJANG PROGRAM	
	a) Penyebut harga perlu menyediakan aktiviti-aktiviti dengan menepati aspek-aspek seperti berikut:- (i) tidak terlalu lasak/ <i>extreme</i> ; (ii) bersesuaian untuk semua peringkat umur lingkungan 30 hingga 56 tahun; (iii) berkonsepkan santai tetapi membina minda, berfikir, penyelesaian masalah secara berkumpulan, dapat mengenali antara satu sama lain serta mengeratkan hubungan sesama pekerja; dan (iv) Apa-apa aktiviti yang diadakan hendaklah mematuhi peraturan Pihak Berkuasa. b) Penyebut harga hendaklah memastikan lokasi aktiviti dilaksanakan di perkarangan hotel, dilengkapi dengan kemudahan yang lengkap seperti kawasan yang luas dan selesa untuk memuatkan kapasiti 55 orang	

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN PROGRAM *TEAM BUILDING* TAHUN 2023

LAMPIRAN A

BIL	BUTIRAN TERPERINCI													
	<p>serta mempunyai kawasan untuk berhimpun sekiranya hujan atau bagi tujuan berehat.</p> <p>c) Tentatif program yang dirancang adalah seperti perenggan (d) di bawah.</p> <p>d) Aktiviti akan terbahagi kepada 4 bahagian dan akan diadakan seperti ketetapan berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="555 725 1385 1924"> <thead> <tr> <th data-bbox="561 734 627 808">Bil.</th> <th data-bbox="627 734 831 808">Tarikh & Masa</th> <th data-bbox="831 734 1378 808">Aktiviti</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="561 808 627 909">(i)</td> <td data-bbox="627 808 831 909">29.07.2023 08:00 – 12:00</td> <td data-bbox="831 808 1378 909"><i>Etiquette Class For Professional Women</i> - Etika berada di Majlis Rasmi</td> </tr> <tr> <td data-bbox="561 909 627 1417">(ii)</td> <td data-bbox="627 909 831 1417">29.07.2023 14:00 – 17:00</td> <td data-bbox="831 909 1378 1417"> Pertandingan Aktiviti Berkumpulan. Contoh aktiviti yang dicadangkan adalah seperti berikut atau setara:- <ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Leadership</i>; ▪ <i>Problem Solving</i>; ▪ <i>Charades</i>; atau ▪ <i>Corporate Castaways (outdoor)</i>. <p>Sekiranya masa tidak mencukupi, aktiviti boleh dikurangkan kepada 3 aktiviti sahaja.</p> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="561 1417 627 1924">(iii)</td> <td data-bbox="627 1417 831 1924">29.07.2023 20:00 – 22:00</td> <td data-bbox="831 1417 1378 1924"> <i>Make up & Grooming For Professional Women Class</i> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Barangan <i>make-up</i> yang disediakan semasa kelas hendaklah terdiri daripada jenis yang berkualiti tinggi, asli dan selamat digunakan yang merangkumi kulit jenis kering, berminyak dan sensitif. Barangan <i>make up</i> palsu dan mengandungi merkuri adalah dilarang sama sekali. </td> </tr> </tbody> </table>		Bil.	Tarikh & Masa	Aktiviti	(i)	29.07.2023 08:00 – 12:00	<i>Etiquette Class For Professional Women</i> - Etika berada di Majlis Rasmi	(ii)	29.07.2023 14:00 – 17:00	Pertandingan Aktiviti Berkumpulan. Contoh aktiviti yang dicadangkan adalah seperti berikut atau setara:- <ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Leadership</i>; ▪ <i>Problem Solving</i>; ▪ <i>Charades</i>; atau ▪ <i>Corporate Castaways (outdoor)</i>. <p>Sekiranya masa tidak mencukupi, aktiviti boleh dikurangkan kepada 3 aktiviti sahaja.</p>	(iii)	29.07.2023 20:00 – 22:00	<i>Make up & Grooming For Professional Women Class</i> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Barangan <i>make-up</i> yang disediakan semasa kelas hendaklah terdiri daripada jenis yang berkualiti tinggi, asli dan selamat digunakan yang merangkumi kulit jenis kering, berminyak dan sensitif. Barangan <i>make up</i> palsu dan mengandungi merkuri adalah dilarang sama sekali.
Bil.	Tarikh & Masa	Aktiviti												
(i)	29.07.2023 08:00 – 12:00	<i>Etiquette Class For Professional Women</i> - Etika berada di Majlis Rasmi												
(ii)	29.07.2023 14:00 – 17:00	Pertandingan Aktiviti Berkumpulan. Contoh aktiviti yang dicadangkan adalah seperti berikut atau setara:- <ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Leadership</i>; ▪ <i>Problem Solving</i>; ▪ <i>Charades</i>; atau ▪ <i>Corporate Castaways (outdoor)</i>. <p>Sekiranya masa tidak mencukupi, aktiviti boleh dikurangkan kepada 3 aktiviti sahaja.</p>												
(iii)	29.07.2023 20:00 – 22:00	<i>Make up & Grooming For Professional Women Class</i> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Barangan <i>make-up</i> yang disediakan semasa kelas hendaklah terdiri daripada jenis yang berkualiti tinggi, asli dan selamat digunakan yang merangkumi kulit jenis kering, berminyak dan sensitif. Barangan <i>make up</i> palsu dan mengandungi merkuri adalah dilarang sama sekali. 												

BIL	BUTIRAN TERPERINCI		
	Bil.	Tarikh & Masa	Aktiviti
			<ul style="list-style-type: none"> ▪ Barangan <i>make-up</i> hendaklah terdiri daripada jenama L'Oréal Paris atau setara. BARANGAN YANG DIBEKALKAN SEMASA KELAS AKAN MENJADI HAKMILIK PESERTA dan meliputi barangan seperti berikut:- <ul style="list-style-type: none"> ➤ 24H Fresh Wear Foundation; ➤ 24H Oil Killer High Coverage Powder; ➤ More Than Concealer; ➤ Intense Volume Matte Lipstick; ➤ L'Oréal Paris Blush of Paradise 03 Melon Dollar Baby 9g; ➤ Double Extensions Beauty Tube Mascara; ➤ Designer Pro EyeBrow; dan ➤ La Petite Palette Eyeshadow. <p>Pembungkusan barangan <i>make-up</i> adalah mengikut bungkus asal pembekal jenama tersebut.</p>
	(iv)	30.07.2023 08:00 – 17:00	<p>Kelas Urutan Tradisional <i>from head to toe</i> berserta Demo dan diselang seli dengan perkongsian ilmu berkaitan dengan tajuk “Kesihatan Mental dan Fizikal Wanita di Tempat Kerja”.</p> <p>Kelas ini akan diadakan di <i>LexSpa, Lexis Hibiscus, Port Dickson</i>. Bayaran kepada pembekal Spa akan diuruskan oleh Penyebut Harga.</p>

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN PROGRAM *TEAM BUILDING* TAHUN 2023

LAMPIRAN A

BIL	BUTIRAN TERPERINCI																															
1.2.3	HADIAH AKTIVITI DAN PERTANDINGAN																															
	Hadiah aktiviti dan pertandingan terbahagi kepada dua (2) seperti berikut:-																															
